

# KERTAS KERJA KECERIAAN PSS



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

NAMA GPM

JACQUELINE BINTI JIMINIT

SEKOLAH

SK DANDUN PITAS



**SEKOLAH KEBANGSAAN DANDUN, PITAS**

---

---

**KERTAS KERJA  
PENAMBAHBAIKAN PRASARANA DAN KECERIAAN  
PUSAT SUMBER SEKOLAH**

---

---

**DISEDIAKAN OLEH :**

**CIK JACQUELINE BINTI JIMINIT  
GURU PERPUSTAKAAN DAN MEDIA  
SK DANDUN, PITAS**

**PUSAT SUMBER  
SEKOLAH KEBANGSAAN DANDUN**

---

**KERTAS KERJA  
PENAMBAHBAIKAN PRASARANA DAN KECERIAAN PUSAT SUMBER SEKOLAH**

## **1.0 PENDAHULUAN**

Pusat Sumber Sekolah adalah sebuah tempat yang menyediakan kemudahan serta koleksi bahan pengajaran dan pembelajaran yang perlu diurus secara sistematis. Hal ini supaya PSS dapat membantu proses pengajaran dan pemudah caraan (PdPC) berlaku dalam situasi yang selesa, menarik dan mudah difahami serta mencapai objektifnya. Sehubungan dengan itu, sumber dan prasana yang cukup serta keceriaan Pusat Sumber adalah aspek paling utama bagi menarik minat seluruh warga SK Dandun untuk menggunakan PSS dengan optimum.

Penambahan bahan bacaan, alat bantu belajar dan menambah baik keadaan fizikal serta mutu perkhidmatan Pusat Sumber Sekolah yang sedia ada boleh menjadikan sebuah pusat sumber yang lengkap, bermaklumat, selesa serta berfungsi sepenuhnya bagi mencapai objektif proses Pengajaran dan pemudah caraan (PdPc) selaras dengan kehendak Pusat Sumber Pendidikan (PSPN) dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

## **2.0 OBJEKTIF**

- 2.1** Mewujudkan sebuah Pusat Sumber Sekolah yang lengkap dengan beberapa kemudahan asas yang penting supaya dapat berfungsi dengan optimum disamping lebih mudah dan selesa digunakan sewaktu proses PdPc .
- 2.2** Menambah bilangan bacaan dan rujukan di perpustakaan selaras dengan fungsinya sebagai gedung ilmu dan sumber rujukan murid-murid di sekolah.
- 2.3** Menambah pelbagai Bahan Bantu Mengajar yang berkualiti, mudah digunakan, mudah disimpan, menarik, tahan lama serta serba guna lebih-lebih lagi sesuai dengan sukanan pelajaran masa kini.
- 2.4** Menambahkan keceriaan PSS supaya lebih selesa dan menarik agar dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya oleh guru-guru dan murid-murid disamping mewujudkan situasi PdPc yang pelbagai serta berlainan daripada di bilik darjah.
- 2.5** Mewujudkan keadaan bilik atau ruang yang sesuai serta selesa di samping peralatan yang lengkap dan mudah digunakan (mesra pengguna)

### **3.0 TARIKH**

Bermula 17 Mei hingga 30 Julai 2021

### **4.0 TEMPAT**

Pusat Sumber Sekolah

### **5.0 SASARAN**

**5.1 Guru-guru SK Dandun**

**5.2 Pengawas Pusat Sumber**

### **6.0 RANCANGAN PEMBANGUNAN**

#### **6.1 Penambahan Koleksi Bahan**

<b>BIL</b>	<b>PERANCANGAN</b>	<b>ANGGARAN PERBELANJAAN</b>
1.	Membeli pelbagai bahan bacaan dan rujukan untuk kegunaan perpustakaan. (buku-buku fiksyen dan bukan fiksyen)	RM 800.00
2.	Membeli dan membina pelbagai bahan bantu mengajar. (bahan berbentuk carta, model, alat permainan dalaman serta alatan yang berkaitan dengan P&P)	RM 260.00

#### **6.2 Pembangunan Fizikal**

<b>BIL</b>	<b>PERANCANGAN</b>	<b>ANGGARAN BELANJAWAN</b>
1.	Memasang langsir	RM 130.00
2.	Memasang tikar getah	RM 180.00
3.	Mewujudkan banner kata-kata motivasi	RM 250.00
4.	Mewujudkan fail-fail pengurusan Pusat Sumber	RM 270.00
5.	Memasang petunjuk laluan dan penjarakkan sosial dalam Pusat Sumber	RM 100.00

#### **6.3 Aktiviti dan Program PSS**

<b>BIL</b>	<b>PERANCANGAN</b>	<b>ANGGARAN BELANJAWAN</b>
1.	Mewujudkan perkhidmatan laminate untuk menambah punca sumber kewangan PSS	RM 100.00

## 7.0 IMPLIKASI KEWANGAN

### 7.1 Perbelanjaan

Jumlah keseluruhan yang diperlukan dalam projek pembangunan Pusat Sumber Sekolah adalah **RM 2090.00**

### 7.2 Pendapatan

BIL	PERKARA	PERUNTUKAN
1.	Wang Sekolah (Peruntukan Geran Perkapita)	RM2108.40

## 8.0 PENUTUP

Besar harapan semoga projek ini dapat dilaksanakan dengan jayanya bersama-sama dan mencapai objektif yang digariskan dalam menjadikan PSS sebagai pusat tumpuan ilmu di sekolah ini dan seterusnya melahirkan pelajar yang cemerlang dari semua aspek. Segala perancangan, pengurusan dan pentadbiran yang teliti menjadikan pelaksanaan yang dibuat berjalan dengan lancar

Disediakan oleh:

.....  
**(JACQUELINE BINTI JIMINIT)**  
Guru Perpustakaan & Media  
SK Dandun, Pitas

Disahkan oleh:

.....  
**(MERIJHONG BIN MASAIM)**  
Guru Besar  
SK Dandun, Pitas

Tarikh: .....

Tarikh: .....